KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

# KERATAN SURAT KHABAR

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| SURAT KHABAR | : | SINAR HARIAN | | | |
| TARIKH | : | 18/1/2022 (SELASA) | MUKA SURAT | : | 29 |
| JABATAN | : | JPN KELANTAN | | | |



Jarak sebenar imej diambil antara lima dan enam kilometer dari lokasi serangan

# Imej dron kesan pembalakan jauh dari lokasi habitat harimau

MACHANG

Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan (JPNK) menafikan imej kesan aktiviti pembalakan hutan dirakam menerusi dron yang tular pada Ahad berdekatan dengan lokasi habitat harimau atau perkampungan orang asli di Pos Bihai, Gua Musang.

Pengarah JPNK, Abdul Khalim Abu Samah berkata, imej yang diambil menggunakan dron oleh sebuah pertubuhan bukan kerajaan (NGO) itu menampakkan seolah-olah jaraknya dekat, namun sebenarnya adalah jauh iaitu antara lima dan enam kilometer dari lokasi serangan.

"Saya nasihatkan orang ramai supaya tidak memanipulasikan imej tersebut kerana lokasi pembalakan bukan berdekatan dengan habitat harimau atau lokasi serangan binatang buas itu.

"Hasil semakan mendapati lokasi kejadian serangan harimau iaitu Pos Bihai merupakan kawasan penempatan orang asli yang berada di luar Hutan Simpanan Kekal (HSK) Perias," katanya kepada pemberita selepas menghadiri Majlis Perasmian Taman Eko Rimba Bukit Bakar yang disempurnakan Menteri Besar Kelantan, Datuk Ahmad Yakob di sini pada Isnin.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas laporan media mengenai dakwaan NGO yang merakamkan satu imej menggunakan dron untuk mengesan aktiviti pembalakan di kawasan habitat harimau yang terletak berdekatan dengan perkampungan orang asli di Pos Bihai, Gua Musang.

Mengulas lanjut, Abdul Khalim berkata, sebahagian besar Hutan Simpan Perias merupakan hutan pengeluaran dan terdapat beberapa kawasan pembangunan ladang hutan (bekas lesen) di sepanjang laluan ke Pos Bihai yang telah diwartakan sebagai Hutan Perlindungan (Hutan Tadahan Air) oleh kerajaan negeri pada tahun 2019. - *Bernama*




Imej kesan daripada aktiviti pembalakan hutan dirakam menerusi dron didakwa sebagai habitat harimau di Gua Musang.



FOTO BERNAMA

Ahmad (kiri) menandatangani plak perasmian Dataran Datuk Bentara di Taman Eko Rimba Bukit Bakar pada Isnin. Turut kelihatan, Abdul Khalim (kanan).